



SPAH PADA BANGUNAN

SISTEM PENGUMPULAN DAN PENGGUNAAN SEMULA AIR HUJAN (SPAH)

Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) ke-64 pada 23 Mei 2011 meluluskan pindaan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam, 1984 untuk mewajibkan pelaksanaan SPAH di rumah berkembar, banglo, bangunan berasingan dan kilang.

Penggunaan SPAH diwartakan di enam negeri iaitu Selangor, Melaka, Johor, Perlis, Perak dan Kelantan.



“Mewajibkan pemasangan Sistem Pengumpulan dan Penggunaan Semula Air Hujan (SPAH) dalam pembangunan melalui pindaan Undang-Undang Kecil 2, 10 dan 115 di bawah UKBS 1984”

Air hujan yang terkumpul boleh digunakan untuk pelbagai tujuan seperti pembersihan umum, tandas dan lanskap.

Pihak Juruperunding (PSP) yang mengemukakan permohonan kelulusan pelan bangunan ke Majlis Bandaraya dikehendaki memastikan pelan-pelan bangunan telah mematuhi keperluan-keperluan berikut :-

1. Kedudukan / lokasi tangki air hujan.
2. Menunjukkan semua elemen SPAH seperti sistem perparitan, tangki air hujan, pam air dan sebagainya dengan jelas.
3. Rekabentuk bumbung yang bersesuaian.
4. Alur keluar SPAH hendaklah ditanda* *“Bukan untuk tujuan minuman atau mandian”* dengan jelas.
5. Palong yang digunakan perlu di selenggara.



SESEBUAH



INDUSTRI



KOMERSIAL



Kebaikan SPAH :

- ▲ Membantu dalam membekalkan air semasa krisis air.
 - ▲ Mengurangkan permintaan air awam dalam tempoh jangka panjang serta mengurangkan bayaran bil air sama ada kegunaan domestik, komersial atau industri.
 - ▲ Mengurangkan air larian ke permukaan longkang.
 - ▲ Mampu menjimatkan 25%-30% penggunaan air terawat.
- Selaras dengan Gagasan Teknologi Hijau.



MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH
Graha Makmur, No.1, Jalan Tun Abdul Razak-Ayer Keroh,
Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka, Malaysia
Tel : +606-333 3333 / 606-285 9700 (12 talian) Faks : +606-232 5716
Laman Web : <http://www.mmbm.gov.my>